

MAHATHIR - RINGGIT

(1)

1984

DARI RACHMANN NORDIN

NEWYORK, OKT. 11 (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD TELAH MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN TIDAK AKAN MENURUNKAN NILAI RINGGIT WALAUPUN TERDAPAT TEKANAN DAN KHABAR-KHABAR ANGINDIPASARAN MATAWANG JUMAAT LALU.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU YAKINKHABAR-KHABAR ANGINITU DISEBAROLEH ORANG-ORANG TERTENTU MUNGKIN KERANA SIDANG BELANJAWAN AKAN BERLANGSUNG TIDAK LAMA LAGI DAN BELANJAWAN ITU AKAN DIBENTANGKAN OLEH MENTERI KEWANGAN YANG BARU, ENCIK DAIM ZAINUDDIN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DENGAN MENYEBARKAN KHABAR-KHABAR ANGINITU PADA KETIKA INI ORANG-ORANG YANG MEMBUAT SPEKULASI TERSEBUT BERHARAP DAKWAAN MEREKA ITU BEJUL.

JUMAAT LALU TERDAPAT TEKANAN UNTUK MEMAKSAINILAI RINGGIT DITURUNKAN BERBANDING DENGAN DOLAR SINGAPURA DAN AMERIKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DEMIKIAN SEMALAM KETIKA MENJAWAB SOAL DARI PADA PARAWARTAWAN MALAYSIA DI SINI SAMA ADA KERAJAAN MEMANDANG TEKANAN TERHADAP RINGGIT, TERUTAMA JUMAAT LALU, SEBAGAI SERIUS.

BELIAU BERKATA MENAIK ATAU MENURUNKAN NILAI MATAWANG MERUPAKAN PERMAINAN BIASA ORANG-ORANG YANG MEMBUAT SPEKULASI KHUSUSNYA PADA KETIKA INI + BILA PASARAN MATA WANG BERADA BERHAMPIRAN SISIKITA. +

KATANYA, ADALAH TIDAK WAJAR UNTUK TIDAK MENJANGKAKAN SEBARANG PERUBAHAN TENTANG KEDUDUKAN RINGGIT KERANA IA DISOKONG OLEH BEBERAPA MATAWANG LAIN.

TIDAK WAJARLAH JIKA RINGGIT TIDAK MENGALAMI PERUBAHAN LANGSUNG PADA MANA-MANA PERINGKAT TERUTAMA KETIKA DOLAR AMERIKA MENJADI KUKUH PADA TAHAP YANG DISIFATKAN OLEH PERDANA MENTERI SEBAGAI + AGAK KETERLALUAN. +

BELIAU BERKATA, + SAYA FIKIR ADA SETENGAH-SETENGAH ORANG YANG MENCUBA SEMULA UNTUK Mencari KEUNTUNGAN MELALUI SPEKULASI. +

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA PERLU LAH DIINGAT BAHAWA SEMENTARA NILAI RINGGIT TELAH TURUN BERBANDING DENGAN DOLAR AMERIKA PADA SATU-SATU MASA NILAINYA JUGA TELAH NAIK DIBANDINGKAN DENGAN MATAWANG-MATAWANG LAIN.

SEORANG PEMBERITA JUGA MEMINTA ULASAN PERDANA MENTERI MENGENAI KENYATAAN PENGURUS EKSEKUTIF BANK BUMIPUTRA, DR. NAWAWI MAT AWIN, BAHAWA TERPULANGLAH KEPADA KERAJAAN UNTUK MENENTUKAN KEDUDUKANNYA DALAM BANK ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJAWAB BAHAWA ADALAH TERLALU AWAL UNTUK MEMBUAT ULASAN KERANA BELIAU INGIN MENGETAHUI RANCANGAN PETRONAS -- PEMEGANG SAHAM UTAMA BANK BUMIPUTRA PADA MASA INI.

DR. NAWAWI MENEMUI DATUK SERI DR. MAHATHIR SEMASA MAKAN TENGAH HARI DI PEJABAT PERWAKILAN TETAP MALAYSIA KE BANGSA-BANGSA BERSATU DISINI SEBELUM SIDANG AKHBAR ITU.

'PARA PELAJAR MALAYSIA' DISINI TELAH MENIMBULKAN ISU BANK BUMIPUTRA DAN BUMIPUTRA MALAYSIA FINANCE DALAM SATU DIALOG DENGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DI TEMPAT YANG SAMA PADA SEBELAH PAGI. -- BERNAMA.

1225 MST 1110 04